



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/40 (HQ)

47 LAGI KEDAI TENAGA DI EMPAT NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA KEMBALI BEROPERASI BERMULA ESOK

Kedai Tenaga di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Johor, Pahang, Terengganu dan Melaka serta di Seri Manjung, Perak (kecuali di Urban Transformation Centre (UTC)) akan beroperasi semula mulai esok, 18 Mei 2020 berikutan 47 lokasi Kedai Tenaga kini berada dalam kategori zon hijau dan kuning Covid 19.

Operasi bacaan meter dan penyerahan bil elektrik di negeri-negeri berkenaan pula akan dimulakan semula pada 19 Mei 2020 secara beransur-ansur.

Sebelum ini, pada 12 Mei lalu Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyambung semula operasi Kedai Tenaga serta operasi bacaan meter secara berperingkat bermula di Kedah, Perlis, Kelantan, Pulau Pinang dan Perak (kecuali Sri Manjung) selari dengan kelonggaran kepada sektor perkhidmatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pembukaan semula 47 lagi Kedai Tenaga ini membolehkan pelanggan TNB membuat transaksi berkaitan perkhidmatannya di 92 Kedai Tenaga (kecuali UTC) serta 57 kios pembayaran layan diri.

Selain pembayaran bil elektrik, pelanggan juga boleh melakukan pelbagai transaksi di Kedai Tenaga termasuklah pertanyaan bil, permohonan baharu untuk bekalan elektrik, penukaran nama penyewa (change of tenancy) dan penutupan akaun. Waktu operasi Kedai Tenaga adalah 9 pagi sehingga 4 petang kecuali pada hujung minggu dan cuti umum. Kios pembayaran layan diri pula beroperasi dari 8 pagi hingga 8 malam.

Bagi mengelakkan penyebaran virus Covid 19, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan kepada semua premis perniagaan diguna pakai di Kedai Tenaga.

Bagi pelanggan yang inginkan alternatif lebih pantas dan mudah, mereka digalakkan menggunakan portal myTNB di www.mytnb.com.my atau muat turun aplikasi myTNB secara percuma melalui Google Play Store atau Apple App Store untuk mendapatkan salinan bil terkini dan membuat pembayaran bil.

TNB juga menawarkan saluran alternatif bagi pembayaran digital seperti JomPAY dan perbankan Internet. Pelanggan juga boleh membuat pembayaran secara tunai di cawangan Pos Malaysia, 7-Eleven, 99 Speedmart, KK Mart, Kedai Mesra Petronas, Shell Select dan Ejen Bank Berdaftar di kedai BSN, Agro Bank atau bank Rakyat.

Pelanggan boleh menghubungi TNB Careline di 1-300-88- 5454 dari 8 pagi hingga 5 petang setiap hari atau e-mel kepada tnbcareline@tnb.com.my untuk sebarang pertanyaan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Mei 2020, jam 3.00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my

Caption:



47 lagi Kedai Tenaga akan beroperasi semula mulai esok (18 Mei 2020) di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Johor, Pahang, Terengganu, Melaka dan Seri Manjung, Perak, yang kini berada dalam kategori zon hijau dan kuning COVID-19.